



**KELAB SUKAN DAN REKREASI KAKITANGAN
PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

**PERTANDINGAN SARAWAKIANA AEROMIXTHON CHALLENGE
SEMPENA KARNIVAL SARAWAKIANA 2019**

SYARAT-SYARAT AM PERTANDINGAN

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan **Sarawakiana Aeromixthon Challenge**.

2. PENGELOLA

- 2.1 Kejohanan ini dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Kakitangan Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama FIT Aerobics & Dance Academy sempena Karnival Sarawakiana 2019.
- 2.2 Adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Pengelola untuk menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan kepada semua peserta.
- 2.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola dan Hakim pertandingan adalah muktamad.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat untuk aktif bersukan.
- 3.2 Menyemai budaya sukan dan sihat di kalangan semua lapisan masyarakat setempat.
- 3.3 Menerapkan semangat di antara semua peserta melalui pertandingan yang diadakan.
- 3.4 Dapat berkongsi pendapat dan idea ke arah pembangunan. Modal insan di antara persatuan belia yang mengambil bahagian dalam pertandingan.
- 3.5 Menggalakkan pemimpin generasi belia agar berfikiran positif dan mengamalkan gaya hidup cergas, sihat dan bersatu.

4. TARIKH, MASA DAN TEMPAT PERTANDINGAN

- Tarikh : 06 Oktober 2019
Masa : 8:00 pagi - 11:00 pagi
Tempat : Dataran Pustaka Negeri Sarawak

5. KATEGORI

- 5.1 KUMPULAN (Terbuka) - 5 Orang
(Lelaki/Perempuan/Campuran)
- 5.2 INDIVIDU

6. KRITERIA PENYERTAAN

- 6.1 Peserta boleh mengambil kedua-dua bahagian di dalam kategori di atas.
- 6.2 Penyertaan terbuka kepada individu yang berumur 15 tahun dan ke atas (*sertakan salinan kad pengenalan dan mesti dilampirkan bersama borang penyertaan*).

7. PENDAFTARAN

Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat :

Jawatankuasa Pengelola,

Sarawakiana Aeromixthon Challenge

Pustaka Negeri Sarawak,

93050 Kuching, Sarawak.

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah sampai kepada penganjur, sebelum atau pada **20 September 2019** sehingga jam 4:30 petang **SAHAJA**.

8. HADIAH

8.1 BERKUMPULAN

Hadiah : RM 300 + Hamper

8.2 INDIVIDU

Juara : RM 100 + Hamper

Naib Juara : RM 80 + Hamper

Ketiga : RM 50 + Hamper

**Pemenang tempat ke-4 hingga 10 (kategori individu sahaja) - Hamper

8.3 Kejutan (*Surprise*)

Peserta paling veteran : Hamper

Peserta paling *sporting* (tema) : Hamper

9. PEMBATALAN

Pertandingan akan dibatalkan sekiranya penyertaan untuk setiap kategori adalah kurang daripada 5 kumpulan.

10. JURUTUNJUK DAN HAKIM

Jurutunjuk dan hakim yang berkelayakan dan berpengalaman akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola untuk mengadili pertandingan ini.

11. SUSUNAN PERTANDINGAN

11.1 Cabutan undi pertama bagi menentukan giliran di dalam kategori masing-masing akan dibuat semasa Taklimat Pengurus Pasukan. Manakala cabutan undi kedua bagi pusingan akhir akan dibuat selepas keputusan pusingan kelayakan diumumkan.

11.2 Sekiranya Pengurus Pasukan atau wakil tidak menghadiri Taklimat Pengurus Pasukan, pihak Jawatankuasa Pengelola menganggap mereka telah memahami dan mematuhi semua peraturan serta perubahan (jika ada) dan keputusan yang dicapai telah dipersetujui semasa taklimat tersebut.

11.3 Para peserta hendaklah melapor diri kepada Jawatankuasa Teknikal 30 minit sebelum pertandingan bermula.

12. KELEWATAN

- 12.1 Sekiranya berlaku kelewatan disebabkan oleh bencana alam atau perkara di luar jangkauan seperti kerosakan pengangkutan atau sebagainya, Pengurus atau wakil pasukan hendaklah menghubungi Urusetia Pertandingan dengan segera dan keputusan mengenai giliran persembahan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal.
- 12.2 Undi giliran setiap pasukan tidak boleh ditukar.
- 12.3 Peserta hendaklah berada di kawasan pertandingan yang ditetapkan 20 minit sebelum bermula.

13. PAKAIAN

Setiap peserta (Individu/ Kumpulan) diwajibkan;

No	Perkara
1	Berpakaian sukan yang bersesuaian dan tidak menjolok mata.
2	Wajib mengikuti tema Pertandingan Sarawakiana Aeromixthon Challenge iaitu mempunyai unsur-unsur atau ciri-ciri budaya Sarawak.
3	Memakai kasut sukan yang bersih.
4	Tidak dibenarkan memakai atau membawa apa-apa aksesori yang boleh membahayakan diri sendiri dan orang lain.
5	Tidak dibenarkan memakai atau membawa apa-apa barangan yang berharga. Sebarang kehilangan, pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab.
6	Rambut hendaklah tidak menutupi dahi dan diikat/disanggul kemas atau di "gel".

13. PENGADILAN

Setiap peserta mestilah mengikut setiap pergerakan yang dipersembahkan oleh setiap jurutunjuk secara bergilir-gilir.

Peserta akan dinilai mengikut kriteria yang ditetapkan seperti berikut :

- ❖ Kemahiran mengikut pelbagai rentak dan irama yang ditetapkan;
- ❖ Daya tahan kardiovaskular;
- ❖ Daya tahan otot;
- ❖ Flexibiliti; dan
- ❖ Kostum yang menepati tema.

14. BANTAHAN

- 14.1 Sebarang bantahan dan rayuan mengenai Pengelola dan Hakim Pertandingan tidak akan dilayan.
- 14.2 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola dan Hakim adalah muktamad.

15. MAKLUMAT AM

- 15.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh didakwa atas sebarang kecederaan dan kemalangan sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
- 15.2 Sekiranya berlaku kecederaan, penganan atau pita di kalangan peserta semasa pertandingan berlangsung, pertandingan tersebut hendaklah diteruskan dengan mengekalkan peserta yang sedia ada di dalam gelanggang. Peserta simpanan tidak dibenarkan masuk untuk menggantikan semula atau diteruskan dari masa diberhentikan mengikut budi bicara Ketua Hakim.
- 15.3 Sekiranya berlaku masalah mengenai muzik sebelum atau semasa persembahan, peserta/pasukan tersebut dikehendaki untuk meneruskan persembahan dengan muzik yang sedia ada. Justeru, sekiranya terdapat peserta/pasukan tidak dapat memulakan persembahan setelah mengambil tempat di kawasan persembahan atau berlakunya gangguan semasa persembahan, maka keputusan untuk menentukan sama ada peserta/pasukan tersebut boleh memulakan persembahan lagi ataupun mengambil giliran setelah selesainya persembahan peserta/pasukan lain adalah mengikut budi bicara Ketua Hakim.
- 15.4 Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab dan berhak untuk menambah dan memutuskan sebarang perkara yang tidak dinyatakan di dalam syarat/peraturan ini.
- 15.5 Jawatankuasa Teknikal berhak memutuskan segala masalah teknikal seperti elektrik, pentas atau gangguan di tempat persembahan dan masalah lain yang tidak dapat dielakkan agar dapat diuruskan dengan sempurna oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 15.6 Keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad di dalam segala keraguan mengenai peraturan pertandingan yang telah ditetapkan.